

10 FEB 2003

Pahang-Hartanah

PROJEK LPT DIJANGKA MAMPU RANGSANG JUALAN HARTANAH DI PAHANG

KUANTAN, 10 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob yakin projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) yang dijangka siap Ogos 2004 akan merangsang jualan hartanah di Pahang yang dilihat kurang memberangsangkan pada masa ini.

Katanya, dengan siapnya projek LPT itu nanti, jualan hartanah di Pahang dijangka lebih cergas seperti yang berlaku di pantai barat dan kawasan Lembah Klang yang mempunyai rangkaian lebuhraya yang baik.

"Projek LPT itu pada awalnya dijadual siap pada Ogos 2003, kemudian April 2004 dan yang mutakhir pada Ogos 2004 atas beberapa sebab teknikal ..," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri di sini, hari ini.

Adnan berkata setakat September 2002, jumlah hartanah yang tidak terjual di seluruh negeri Pahang ialah sebanyak RM431.92 juta.

"Sebabnya ialah penawaran melebihi permintaan. Sehubungan itu kita akan mengkaji semula syarat-syarat tukar tanah, tukar syarat tanah pertanian kepada perindustrian atau untuk tujuan pembangunan...," katanya.

Adnan berkata antara sektor hartanah yang tidak terjual ialah sektor kediaman iaitu sepanjang sembilan bulan pertama tahun 2002 sejumlah 1,780 daripada 5,253 unit kediaman yang dilancarkan untuk jualan, tidak terjual... bagi sektor perniagaan pula kira-kira 439 unit rumah kedai daripada 1,035 tidak terjual.

"Manakala bagi sektor perindustrian sebanyak 78 unit pelbagai jenis hartanah industri yang dilancarkan menyaksikan 56 unit belum dijual...Takrif hartanah yang tidak terjual ialah hartanah yang tidak terjual selepas 9 bulan berada di pasaran," katanya.

Bagaimanapun Adnan berkata jumlah hartanah yang tidak terjual di negeri Pahang (RM431.92 juta) itu adalah rendah berbanding nilai keseluruhan hartanah yang tidak terjual di peringkat nasional yang berjumlah RM27.06 bilion.

Adnan berkata bagi mengatasi masalah itu, kerajaan negeri akan mengawal projek-projek pembangunan hartanah di negeri itu agar tidak terlalu melebihi permintaan.

"Apabila penawaran melebihi permintaan, harga akan turun atau langsung tidak laku.., kita juga akan mengkaji semula syarat-syarat tukar tanah, tukar tanah pertanian ke perindustrian atau untuk projek-projek komersial, bukan bermaksud kita bekukan tetapi akan melihat lebih mendalam setiap projek pembangunan sebelum kita luluskan," kata Adnan.

Mengenai isu pembangunan di Cameron Highlands yang dilaporkan mengabaikan soal alam sekitar, Adnan berkata kerajaan negeri akan mengambilkira semua pandangan termasuk pandangan individu, badan-badan bukan kerajaan (NGO), dan ulasan media dalam menangani isu berkenaan.

Sebelum ini, Adnan pernah mengeluarkan arahan supaya semua projek-projek pembangunan di Cameron Highlands dihentikan serta merta.

Baru-baru ini akhbar melaporkan pemaju di kawasan tanah tinggi itu menggunakan peralatan berat untuk meratakan kawasan berkenaan.

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad sebelum itu juga telah melahirkan kekecewaannya kerana sebahagian tempat berkenaan telah diratakan sehingga tidak lagi kelihatan sebagai kawasan berbukit-bukau.

"Kita akan mengeluarkan laporan terperinci berkenaan pembangunan di Cameron Highlands sedikit masa lagi," kata Adnan.

-- BERNAMA

MS ZB